

## FAQ BAGI PERSEDIAAN BELANJAWAN 2024

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
1.	<p>Para 26 Ucapan Bajet 2024 Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8 peratus ketimbang 6 peratus tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi.</p>	<p>Bilakah tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8%?</p>	<p>Tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% adalah pada 1 Mac 2024.</p>
2.	<p>Para 26 Ucapan Bajet 2024 Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8 peratus ketimbang 6 peratus tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi.</p>	<p>Berapakah kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan penghantaran barang?</p>	<p>Perkhidmatan penghantaran barang akan dirangkumkan di dalam perkhidmatan logistik dan dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6%.</p>
3.	<p>Para 26 Ucapan Bajet 2024 Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8 peratus ketimbang 6 peratus tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi.</p>	<p>Apakah perkhidmatan bercukai yang dikenakan pada kadar 6%?</p>	<p>Perkhidmatan bercukai yang dikenakan pada kadar 6% adalah perkhidmatan—</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B: Makanan dan minuman</li> <li>2. Kumpulan I: 2. Telekomunikasi</li> <li>3. Kumpulan I: 4. Penyedia ruang (parkir) kenderaan</li> <li>4. Kumpulan J: Logistik (perkhidmatan baharu)</li> </ol>

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
4.	Para 26 Ucapan Bajet 2024 Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan kepada 8 peratus ketimbang 6 peratus tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi.	Apakah perkhidmatan bercukai yang dikenakan pada kadar 8%?	<p>Perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 8% adalah perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kecuali –</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B: Makanan dan minuman</li> <li>2. Kumpulan I: 2. Telekomunikasi</li> <li>3. Kumpulan I: 4. Penyedia ruang letak kenderaan.</li> <li>4. Kumpulan J: Logistik (perkhidmatan baharu)</li> <li>5. Kumpulan H: Kad kredit atau kad caj (RM25 setahun)</li> </ol>
5.	Pelbagai perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang sama.	Apakah kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas penyediaan pelbagai perkhidmatan bercukai oleh penyedia perkhidmatan yang sama?	Kadar cukai perkhidmatan (CP) <b>ditentukan</b> berdasarkan kepada <b>jenis perkhidmatan bercukai</b> yang disediakan dan bukannya berdasarkan kepada kumpulan perkhidmatan bercukai.
6.		Apakah contoh layanan kadar cukai yang ditentukan berdasarkan kepada <b>jenis perkhidmatan bercukai</b> yang disediakan dan bukannya berdasarkan kepada kumpulan perkhidmatan bercukai.	<p>Contoh layanan kadar cukai bagi perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kumpulan A adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Hotel yang menjual pakej penginapan termasuk sarapan pagi di restoran milik hotel kepada pelanggan – 8%</li> </ol>

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
			<p>b. Restoran milik hotel menjual sarapan pagi kepada pelanggan <i>walk-in</i> atau luar pakej penginapan – 6%</p> <p>c. Caj parkir yang dikenakan oleh hotel yang merupakan operator parkir kenderaan – 6%</p> <p>d. Hotel menjual pakej seminar/Pakej bengkel/pakej mesyuarat merangkumi penginapan, dewan/bilik mesyuarat dan F&amp;B, kadar CP ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai iaitu 8%</p> <p>e. Hotel menjual pakej perkahwinan merangkumi penyediaan dewan/tempat, sewa <i>live band</i>, karaoke, sistem siaran dan F&amp;B, kadar CP ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai iaitu 8%</p>
7.	Pelbagai perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang sama.	Hotel JKL telah dilantik oleh KKM untuk menjadi penganjur majlis jamuan rasmi. Perkhidmatan yang perlu disediakan oleh Hotel JKL adalah merangkumi perkhidmatan penginapan, makan minum, sewaan dewan, sewaan peralatan dan kemudahan lain.	<p>Ya. Pihak KKM juga akan mengeluarkan SST kepada Hotel JKL dengan menyatakan kadar cukai perkhidmatan bagi setiap perkhidmatan yang diberikan iaitu :</p> <p>i. Penginapan – 8%</p> <p>ii. F&amp;B – 6%</p> <p>iii. Lain-lain perkhidmatan - 8%</p>

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
		Perluakah Hotel JKL mengenakan kadar cukai yang berlainan (6% atau 8%) bagi setiap perkhidmatan yang diberikan?	
8.	Perkhidmatan Makanan dan Minuman (F&B)	Apakah contoh layanan kadar cukai yang ditentukan berdasarkan kepada <b>jenis perkhidmatan bercukai</b> yang disediakan dan bukannya berdasarkan kepada kumpulan perkhidmatan bercukai.	Contoh layanan kadar cukai bagi perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kumpulan B adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. F&amp;B – 6%</li> <li>ii. Medan selera – 6%</li> <li>iii. Katering – 6%</li> <li>iv. Parkir – 6%</li> <li>v. Kelas masakan /Latihan – 8%</li> <li>vi. Lain-lain perkhidmatan - 6%</li> </ul>
9.	Perkhidmatan Kelab Golf dan Lapangan Sasar Golf	Apakah contoh layanan kadar cukai yang ditentukan berdasarkan kepada <b>jenis perkhidmatan bercukai</b> yang disediakan dan bukannya berdasarkan kepada kumpulan perkhidmatan bercukai.	Contoh layanan kadar cukai bagi perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kumpulan E adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Golf dan Lapangan Sasar Golf – 8%</li> <li>ii. F&amp;B – 6%</li> <li>iii. Pakej golf dan F&amp;B – 8%</li> <li>iv. Parkir – 6%</li> <li>v. Pakej perkahwinan – 8%</li> <li>vi. Lain-lain perkhidmatan - 8%</li> </ul>
10.	Perkhidmatan Telekomunikasi	Apakah kadar cukai yang dikenakan bagi perkhidmatan telekomunikasi dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan sama ada pada kadar 6% atau 8%?	Kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan telekomunikasi dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Suara/akses internet/sms - 6%.</li> <li>b. Kandungan - 8%</li> </ul>

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
			<p>c. Perkhidmatan digital seperti APL dalam talian - 8%</p> <p>d. Perkhidmatan TV berbayar/ Linear TV - 8%</p> <p>e. Tambah nilai – 6%</p> <p>f. Pakej internet + TV berbayar – 6%</p>
11.	Tempoh peralihan perubahan kadar cukai	Apakah contoh layanan kadar cukai yang perlu diakaunkan bagi perkhidmatan yang diberikan selepas tarikh kuat kuasa tetapi bayaran telah diterima sebelum tarikh kuat kuasa?	<p>Contoh layanan kadar cukai bagi perkhidmatan yang diberikan selepas tarikh kuat kuasa tetapi bayaran telah diterima adalah seperti berikut:</p> <p>Syarikat ABC menyediakan perkhidmatan pembersihan kepada pelanggannya Syarikat DEF. Syarikat DEF telah membuat pembayaran penuh pada 9 Februari 2024 bagi perkhidmatan pembersihan yang akan dibekalkan pada bulan Mac hingga Jun 2024.</p> <p>Kadar cukai yang akan dikenakan adalah pada kadar 6% bagi pembayaran penuh yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa.</p>
12.	Perkhidmatan melangkaui tempoh ( <i>Spanning services</i> )	Apakah kadar yang perlu dikenakan bagi perkhidmatan bercukai yang melangkaui tarikh kuat kuasa?	<p>Bagi perkhidmatan bercukai yang melangkaui tarikh kuat kuasa, kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan adalah pada kadar 6% kepada perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 1 Mac 2024.</p> <p>Manakala, bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan bermula 1 Mac 2024, kadar yang dikenakan</p>

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
			adalah 8%. Orang berdaftar perlu membuat pembahagian mengikut kadar yang sewajarnya.
13.	Perkhidmatan melangkaui tempoh ( <i>Spanning services</i> )	Apakah contoh layanan kadar cukai yang perlu diakaunkan bagi perkhidmatan bercukai yang melangkaui tarikh kuat kuasa?	<p>Contoh layanan kadar cukai bagi perkhidmatan yang melangkaui tarikh kuat kuasa.</p> <p>Syarikat XYZ telah menandatangani kontrak pembersihan pada Jun 2023 dengan tempoh kontrak sehingga Mei 2025. Nilai kontrak adalah termasuk cukai perkhidmatan pada kadar 6%.</p> <p>Syarikat XYZ perlu mengakaunkan kadar cukai 6% bermula dari Jun 2023 sehingga Februari 2024. Manakala bermula Mac 2024 cukai perkhidmatan yang dikenakan adalah pada kadar 8%.</p>
14.	Perkhidmatan melangkaui tempoh ( <i>Spanning services</i> )	<p>Syarikat 3Y telah menandatangani SST pada 28 Jun 2023 bagi pemberian perkhidmatan pengawal keselamatan di sekolah kepada KPM bagi tempoh perkhidmatan bermula 1 Ogos 2023 hingga 31 Julai 2024.</p> <p>Apakah yang perlu dilakukan oleh Syarikat 3Y bagi kontrak yang telah ditandatangani dengan nilai cukai perkhidmatan pada kadar lama itu?</p>	Syarikat 3Y perlu memohon kepada KPM untuk melakukan pelarasan harga kontrak dengan mengambilkira nilai cukai perkhidmatan pada kadar yang baharu untuk perkhidmatan yang diberikan bermula 1 Mac 2024 sehingga 31 Julai 2024.

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
15.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Apakah perbezaan di antara perkhidmatan logistik dan penghantaran barang?	<p>Perkhidmatan penghantaran barang merupakan sub perkhidmatan di bawah perkhidmatan logistik.</p> <p>Perkhidmatan penghantaran barang telah dirangkumkan di bawah kumpulan perkhidmatan yang sama iaitu perkhidmatan logistik, Kumpulan J, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.</p>
16.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan logistik?	<p><b>“Perkhidmatan logistik”</b> ertinya perkhidmatan yang melibatkan suatu proses pengurusan rantai bekalan dengan merancang, melaksana dan mengawal pergerakan dan penyimpanan barang, perkhidmatan serta maklumat berkaitan secara cekap dan berkesan dari lokasi asal hingga ke lokasi penggunaan untuk memenuhi keperluan pelanggan.</p> <p>Perkhidmatan yang terangkum dalam perkhidmatan logistik adalah:</p> <p>a. logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantai bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, penggudangan atau pengurusan penggudangan, penghantaran fret, pelabuhan atau lapangan terbang; perkapalan, penerbangan atau kemudahan rantai sejuk; atau</p>

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
			<p>b. penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang; atau</p> <p>c. penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang; atau</p> <p>d. kiriman cepat; atau</p> <p>e. ejen kastam.</p>
17.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Berapakah nilai ambang bagi perkhidmatan logistik?	Nilai ambang bagi perkhidmatan logistik adalah RM500,000.00.
18.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Bilakah pendaftaran penyedia perkhidmatan logistik perlu di daftarkan?	Penyedia perkhidmatan logistik yang bertanggung perlu membuat pendaftaran secara dalam talian bermula 1 Mac 2024 dengan mengemukakan borang SST-01 melalui sistem MySST.
19.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Adakah terdapat perubahan nilai ambang bagi perkhidmatan ejen kastam?	Nilai ambang bagi perkhidmatan ejen kastam adalah kekal, iaitu nil.
20.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Adakah akan berlaku pertindihan cukai di dalam rantai pembekalan perkhidmatan logistik?	Kemudahan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan akan diberikan kepada penyedia perkhidmatan logistik. Sila rujuk



BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
			Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2024.
21.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Berapakah nilai ambang bagi perkhidmatan pembrokeran dan penajajaminan?	Nilai ambang bagi perkhidmatan pembrokeran dan penajajaminan adalah RM500,000.00.
22.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Apakah definisi perkhidmatan pembrokeran dan perkhidmatan penajajaminan?	<p>Perkhidmatan pembrokeran adalah perkhidmatan yang disediakan oleh broker yang bertindak sebagai perantara yang menghubungkan pembeli dan penjual untuk memudahkan transaksi. Broker juga boleh memberikan maklumat pasaran mengenai harga, produk dan keadaan pasaran.</p> <p>Perkhidmatan penajajaminan adalah proses di mana individu atau institusi membuat penilaian risiko dan mengambil risiko kewangan tersebut dengan bayaran atau pada kos yang telah ditetapkan bagi melindungi pelabur, bank, agensi insurans dan institusi kewangan lain.</p>

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
23.	<p>Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.</p>	<p>Apakah perkhidmatan bercukai yang telah diperluaskan skop dibawah perkhidmatan pembrokeran dan penajajaminan?</p>	<p>Perkhidmatan bercukai yang telah diperluaskan skop dibawah perkhidmatan pembrokeran dan penajajaminan adalah perkhidmatan pembrokeran—</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. kapal atau kapal terbang;</li> <li>2. komoditi;</li> <li>3. perkhidmatan kewangan atau komoditi masa hadapan;</li> <li>4. hartanah; atau</li> <li>5. apa-apa perkhidmatan pembrokeran dan penajajaminan selain yang dinyatakan dalam (1) hingga (4).</li> </ol>
24.	<p>Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.</p>	<p>Kilang Minyak Masak ADE Sdn Bhd melantik Lima Sdn Bhd pada 1 April 2023 sebagai broker untuk membeli komoditi kelapa sawit dari pihak pembekal. Perkhidmatan pembrokeran komoditi telah diberikan oleh Lima Sdn Bhd kepada Kilang Minyak Masak ADE pada bulan Jun 2024. Kilang Minyak Masak ADE Sdn Bhd telah membuat bayaran kepada Lima Sdn Bhd pada bulan Julai 2024. Apakah layanan SST terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Lima Sdn Bhd ini?</p>	<p>Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.</p>

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN / TOPIK</b>	<b>ISU / SOALAN BERKAITAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
25.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Kilang Minyak Masak ADE Sdn Bhd melantik Lima Sdn Bhd pada 1 Disember 2023 sebagai broker untuk membeli komoditi kelapa sawit dari pihak pembekal. Perkhidmatan pembrokeran komoditi telah diberikan oleh Lima Sdn Bhd kepada Kilang Minyak Masak ADE pada bulan Mac 2024. Kilang Minyak Masak ADE Sdn Bhd telah membuat bayaran kepada Lima Sdn Bhd pada bulan Disember 2023 dan Februari 2024. Apakah layanan SST terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Lima Sdn Bhd ini?	Perkhidmatan pembrokeran yang diberikan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
26.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Adakah perkhidmatan ejen hartanah yang diberikan sebelum tarikh kuat kuasa tertakluk kepada cukai perkhidmatan?	Perkhidmatan ejen hartanah yang berdaftar di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH) adalah orang kena cukai dibawah Butiran 4, Kumpulan G dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
27.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Bilakah pendaftaran penyedia perkhidmatan pembrokeran atau penajajaminan yang baharu perlu di daftarkan?	Penyedia perkhidmatan pembrokeran atau penajajaminan yang bertanggung perlu membuat pendaftaran secara dalam talian bermula 1 Mac 2024 dengan mengemukakan borang SST-01 melalui sistem MySST.

BIL	BUTIRAN / TOPIK	ISU / SOALAN BERKAITAN	JAWAPAN
28.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Siapakah yang perlu berdaftar dibawah perkhidmatan karaoke?	Mana-mana orang yang mengendalikan pusat karaoke dan nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik sebelum bulan itu telah melebihi nilai ambang RM500,000.00 bertanggung untuk berdaftar di bawah Kumpulan C: Kelab Malam, Dewan Tari-Menari, Kabaret, Pusat Kesihatan Dan Kesejahteraan, Rumah Urut, Rumah Awam Dan Rumah Bir.
29.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Apakah perkhidmatan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan yang disediakan oleh pusat karaoke?	Perkhidmatan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan yang disediakan oleh pusat karaoke termasuk sewaan bilik karaoke, makanan dan minuman, perkhidmatan pelayan pelanggan dan lain-lain perkhidmatan yang diberikan.
30.	Perluasan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke.	Tempahan sewaan pusat karaoke telah dilakukan pada 28 Februari 2024, dan pembayaran penuh telah diterima pada hari tempahan dibuat untuk penganjuran majlis pada 10 April 2024. Apakah layan cukai terhadap tempahan tersebut?	Tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas pembayaran yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa bagi tempahan sewaan pusat karaoke selepas tarikh kuat kuasa.

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN / TOPIK</b>	<b>ISU / SOALAN BERKAITAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
31.	Perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan	Syarikat saya telah berdaftar di bawah Kumpulan G, Butiran (i), perkhidmatan pengurusan kerana menyediakan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan. Adakah saya perlu berdaftar semula?	Tidak. Bagi yang telah berdaftar di bawah Kumpulan G, Butiran (i) tidak perlu membuat pendaftaran semula sebaliknya hanya perlu meminda maklumat pendaftaran kepada OKC di butiran 13 dan menambah maklumat perkhidmatan bercukai iaitu perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan.
32.	Perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan	Syarikat saya telah berdaftar di bawah Kumpulan G, Butiran (i), perkhidmatan pengurusan kerana menyediakan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan. Bilakah saya perlu mengenakan cukai ke atas perkhidmatan pembaikan?	Bagi orang berdaftar sedia ada, perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang baharu mulai 1 Mac 2024.